

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo

Felo Penyelidik Utama, LESTARI-UKM, dan Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara



Semua ahli akademik kini berbicara mengenai MyRA iaitu sistem pengukuran digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengukur prestasi universiti awam"

Dunia akademik dikawal oleh pegangan kepada 'nilai teras akademik' iaitu mencari kebenaran, merai kepelbagaian, mengejar kecemerlangan, ilmu untuk semua dan integriti akademik"

Jumlah kursus, program, pelajar dalam dan luar negara, kebolehpasaran bukan pengukuran pencapaian akademik"

KPI, MyRA nilai prestasi universiti

Ahli akademik di pusat pengajian tinggi perlu melaksanakan pelbagai peranan secara berterusan. Antara peranan utama ialah pendidikan tinggi (penyediaan), penjana ilmu baharu (penyelidik), pemimpin ilmu (sarjana) dan penyampai ilmu kepada masyarakat (intelektual awam). Semua ini perlu dilaksanakan dengan cemerlang, pada tahap tertinggi dan berteraskan etika akademik.

Sejak kebelakangan ini, atas pengaruh pengurusan korporat, pendidikan perniagaan dan desakan memenuhi ranking universiti, sumbangan akademik dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Setiap ahli akademik, setiap institusi penyelidikan dan fakulti pengajian, diternakan KPInya.

Antara KPI utama ialah jumlah penerbitan terindeks, jumlah dana penyelidikan diterima, jumlah pelajar pascasiswazah bergraduasi, produk boleh dikomersialkan dan beberapa lagi yang boleh diukur.

Semua ahli akademik kini berbicara mengenai MyRA iaitu satu sistem pengukuran yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengukur prestasi universiti awam.

Saya tidak menafikan KPI boleh

memainkan peranan positif untuk mengubah set minda ahli akademik ke arah kepentingan output, dan ia baik bagi ahli akademik berprestasi biasa.

Mereka yang berprestasi rendah perlu dinilai menggunakan KPI. KPI juga jika tidak ditangani dengan bijaksana boleh meninggalkan kesan negatif dan berupaya membunuh kreativiti dan keserjanaan dalam dunia akademik.

Jenis penyelidikan berbeza

Wujud perbezaan besar antara sebuah kilang yang mengeluarkan produk berkualiti tanpa kecacatan dengan institusi pengajian tinggi yang menghasilkan bakat ilmuwan dan pemimpin masa depan. Dunia akademik dikawal oleh pegangan kepada 'nilai teras akademik' iaitu mencari kebenaran, merai kepelbagaian, mengejar kecemerlangan, ilmu untuk semua dan integriti akademik.

Sudah menjadi tradisi akademik, sumbangan dan kecemerlangan ditelusuri oleh 'rakan sepelebaran', iaitu mereka yang memahami perkembangan bidang ilmu dan berupaya menilai sumbangan asli yang bermakna.

Dalam konteks penyelidikan, jenis tahap penyelidikan berbeza mengikut keperluan, kepelbagaian dana dan personal yang

diselesaikan. Pada prinsipnya, penyelidikan ahli akademik bertaskan 'penerokaan ufuk ilmu' (fundamental) untuk membina ke-sarjanaan dan kewibawaan.

Hasinya terserlah daripada aktiviti kepemimpinan akademik, program penyelidikan berpasukan dan penerbitan asli.

Kecemerlangan sumbangan seperti ini hanya dapat dihayati oleh sekelompok kecil ahli akademik yang mengikuti perkembangan ilmu dalam bidang sama.

Beraskan kewibawaan, mereka dijemput untuk menjalankan penyelidikan gunaan (penyelesaian masalah), penyelidikan pembangunan (inovasi teknologi) dan penyelidikan multidisiplin (perancangan dan pengaruh dasar).

Aktiviti seperti ini juga, selain mencipta produk dan proses, menghasilkan penerbitan bersifat teknikal dan gunaan. Hasil sumbangan 'bukan fundamental' begitu lazimnya lebih mudah diserlah kepada 'rakan keserakanan' dan masyarakat awam.

Dalam dunia akademik, sumbangan seperti ini bersifat sampingan, tapi mempunyai makna besar kepada pembangunan komuniti, industri dan negara. Ahli akademik berwibawa atau memperoleh dana penyelidikan gunaan yang banyak berupaya menarik rama pelajar siswazah (sarjana dan doktor falsafah).

Dengan bimbingan yang baik, pelajar berkaitan mampu menjalankan penyelidikan berfokus dan menerbitkan kertas jurnal secara bersama. Dalam konteks ini, hasil penyelidikan dan penerbitan pada prinsipnya adalah usaha intelek pelajar dan penyelia hanya sebagai mentor bagi menghasilkan sumber bakat pakar.

Senario di atas menunjukkan, kuantiti penerbitan hanya mewakili hasil kerja teras ahli akademik - mendapatkan dana dan pelajar siswazah dan berupaya mengurus sumber bagi memastikan jumlah penerbitan dan produk inovasi meningkat.

Itu bukan sepenuhnya mewakili keserjanaan, kecemerlangan dan kewibawaan akademik. Peringkatkan jumlah penerbitan, pelajar sis-

wazah dan produk inovasi yang boleh dikomersialkan adalah KPI pertumbuhan positif sesebuah universiti, tetapi tidak semestinya mewakili keserjanaan dan kecemerlangan seseorang ahli akademik tertentu.

Dalam konteks pendidikan tinggi (pengajaran dan pembelajaran) pula, isu yang sama boleh diada iaitu perbezaan antara sumbangan dan keberkesanan pengajaran dengan pemindahan ilmu dan pembinaan perwatakan. Guru menyampaikan ilmu, tetapi ahli akademik pula 'mengga pemuliharaan'.

Kebolehpasaran bukan ukuran pencapaian

Setiap kuliah ialah sumbangan ke-sarjanaan asli yang mampu menggerakkan kepercayaan, keyakinan dan mengilhamkan masa cemerlang. Oleh itu, jumlah kursus, program, pelajar dalam dan luar negara, kebolehpasaran bukan pengukuran pencapaian akademik.

Sebaliknya, pemimpin dan tenaga pakar berilmu, bernisqti dan berwawasan besar yang dihasilkan oleh seorang ilmuwan adalah refleksi kebolehan dan kewibawaan akademiknya.

Mengikuti perkembangan pengajian tinggi semasa dan perdekatan menadi kecemerlangan ahli akademik universiti tempatan, saya terpujungi untuk mengupas isu penting ini. Lazimnya beberapa ahli akademik terlatih membawa prag besar sesebuah pusat pengajian atau universiti. Kumpulan KPI individu akademik dan MyRA menjadi asas menentukan prestasi (ranking) sesebuah universiti.

Penilaian akademik berdasarkan keserjanaan, kecemerlangan dan kewibawaan bakal tinggal menjadi sejarah.

Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo adalah bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor dan Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor dan Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor dan Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Naib Canselor dan Ketua Kluster Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara.